

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA

TARIKH: 2 JANUARI 2018

MUKA SURAT: 27



JOHAN ABD. AZIZ (paling kiri) melihat demonstrasi memadam api yang dilakukan sendiri oleh salah seorang penduduk dalam Program Transformasi Sosial di Apartment Nuri Seksyen 4, Bandar Bukit Mahkota, Selangor, baru-baru ini. - UTUSAN/WAHIDAH ZAINAL

## Bandar Bukit Mahkota perlu sekolah baharu

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA  
kota@utusangroup.com.my

■ BANGI 1 JAN.

KETIKA ibu bapa di seluruh negara teruja apabila anak-anak mereka memulakan sesi persekolahan esok, penduduk Bandar Bukit Mahkota di sini merasa kusut kerana kawasan tersebut memerlukan sebuah sekolah baharu bagi menampung jumlah pelajar yang meningkat.

Ahli Dewan Undangan (ADUN) Semenyih, Datuk Johan Abd. Aziz berkata, pelajar memerlukan suasana yang kondusif dan selesa ketika sesi pengajaran dan pembelajaran namun dua buah sekolah di kawasan berhampiran kini mengalami kesesakan.

Beliau berkata, buat masa ini sebahagian besar pelajar bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Seri Putra dan SMK Engku Husain yang turut menjadi tumpuan pelajar di kawasan lain.



PROMOSI pengasingan sisa pepejal turut disertakan sebagai acara sampingan.

"Tidak dinafikan keadaan sekolah yang sedia ada masih lagi terkawal, namun lebih baik sekiranya sekolah baharu dibina seka-

li gus dapat menampung pelajar baharu apatah sekarang perumahan giat dibangunkan di kawasan tersebut.

"Contohnya SMK Engku Husain, cuba bayangkan apa yang berlaku apabila satu kelas terpaksa memuatkan 55 hingga 60 pelajar," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan Program Transformasi Sosial di sini baru-baru ini.

Tambah Johan, permohonan telah dibuat tetapi masih lagi menunggu kelulusan daripada kerajaan dan penduduk berharap keperluan sebuah sekolah baharu itu menjadi kenyataan.

Katanya lagi, sekolah baharu itu akan dibina di tanah berkeluasan lebih tiga hektar dan dianggarkan bernilai lebih RM28 juta dengan peruntukan pembinaannya di harap dapat dimasukkan dalam Bajet 2018.

"Bangunan yang mempunyai 28 bilik darjah itu mampu menampung kira-kira 1,500 pelajar," ujarnya yang turut menyampaikan bantuan persekolahan kepada 100 pelajar bagi kawasan berhampiran.